

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bentang Akta Kutub Malaysia	Sinar Online
2.	MTDC lulus dana RM18 juta kepada usahawan PKS	Sinar Harian
3.	Dana RM25 juta untuk IKS bangun produk halal	Utusan Malaysia
4.	MTDC lulus Dana Halal RM18 juta sejak tahun lalu	Berita Harian
5.	MTDC lulus RM18 juta bagi Dana Pembangunan Teknologi Halal	BERNAMA
6.	Eight SMEs get RM18 Mln Financing from Halal Fund	BERNAMA
7.	MTDC lulus RM18j Dana Halal beri manfaat lapan PKS	Harian Metro
8.	Putting the spotlight on cybersecurity	The Star
9.	Sistem standard khas durian akan diperkenal bagi elak penipuan	KOSMO
10.	Piawaian mengenai durian bakal diwujudkan	Sinar
11.	Upacara pembukaan KL2017 dijangka hujan	BERNAMA
12.	Banjir: Pusat Pemindahan banjir ditutup di Sabah	KOSMO
13.	Banjir: Pusat Pemindahan banjir ditutup di Sabah	BERNAMA
14.	Gempa Bumi sederhana landa Kepulauan	BERNAMA
15.	Gempa Bumi sederhana landa Kepulauan Ryukyu, Jepun	BERNAMA
16.	Amaran cuaca buruk di Semenanjung, Sabah	Berita Harian

## Bentang Akta Kutub Malaysia



Wilfred Madius (dua kanan) mengiringi Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin pada perasmian Seminar Antarabangsa Malaysia Mengenai Antartika kali ketujuh di Kuala Terengganu.

KUALA TERENGGANU – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan membentangkan Akta Kutub Malaysia di Parlimen bagi memberi peluang lebih ramai saintis di negara ini melakukan penyelidikan dan penerokaan di Kutub Utara serta Selatan.

**Menterinya, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** berkata, akta itu akan dibentangkan di Parlimen selepas draf mengenainya diteliti dan diluluskan Jabatan Peguam Negara.

“Tujuan utama pembentangan akta ini ialah untuk menubuhkan Institut Sains Polar Malaysia yang berperanan melonjakkan pembabitan negara melakukan penyelidikan dan penerokaan di Kutub Utara dan Selatan.

“Sekiranya draf ini mendapat kelulusan Jabatan Peguam Negara, ia akan dibentangkan di Parlimen untuk digubal,” katanya pada sidang media selepas perasmian Seminar Antarabangsa Malaysia Mengenai Antartika kali ketujuh di sini, kelmarin.

Majlis perasmian disempurnakan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang juga penaung Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM).

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Wan Nawawi Ismail; Yang Dipertua Dewan Undangan negeri, Datuk Mohd Zuber Embong; Pengerusi Program Penyelidikan Antartika Malaysia, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Transformasi kerajaan, A Latiff Awang.

Wilfred Madius berkata, akta itu perlu diwujudkan berikutan keanggotaan bersejarah negara dalam Perjanjian Antartika yang ditandatangani pada 31 Oktober 2011.

"Keanggotaan negara dalam perjanjian ini membolehkan saintis negara terbabit secara langsung untuk melakukan semua penyelidikan di benua Antartika tanpa melalui negara lain," katanya.

Menurutnya, setakat ini negara sudah menghantar 120 saintis ke benua Antartika untuk melakukan penyelidikan, tetapi terpaksa melalui negara anggota lain.

**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 19  
TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**

## **MTDC lulus dana RM18 juta kepada usahawan PKS**



Norhalim (tiga, kanan) bertanyakan sesuatu kepada usahawan yang menyertai program jelajah anjuran MTDC, semalam.

**PERBADANAN Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** memperuntukkan RM25 juta keseluruhan untuk Dana Pembangunan Teknologi Halal yang diwujudkan sejak tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, setakat ini RM18 juta telah diluluskan kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menurutnya, industri halal mempunyai prospek cerah dan berpotensi tinggi untuk diterokai usahawan di negara ini hingga ke pasaran antarabangsa.

"Setakat ini, lapan syarikat telah menerima dana tersebut sehingga RM3 juta untuk sebuah syarikat.

"Sebenarnya pasaran halal

ini meluas dan bukan produk akhir semata-mata. Contohnya masih banyak lagi peluang seperti penghasilan perisa dan juga produk perkhidmatan halal," katanya sempena jelajah sehari Road2Growth Zon Timur disertai lebih 200 usahawan di Kuantan, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut meminta supaya usahawan terbuka dan berpandangan jauh supaya dapat menjalinkan kerjasama dengan MTDC.

Katanya, MTDC bukan sahaja menyediakan dana tetapi menawarkan latihan menerusi kerjasama universiti tempatan, Akademi Latihan Usahawan Teknologi (Tentra) dan perkongsian pengalaman.

Menurutnya, dengan platform yang disediakan oleh perbadanan tersebut, usahawan terbabit boleh melangkah lebih jauh hingga ke peringkat global.

"Kita masih ada peruntukan berbaki RM80 juta tahun ini untuk lima lagi dana lain," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14  
TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**

## Dana RM25 juta untuk IKS bangun produk halal

**KUANTAN 16 Ogos** - Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) memperuntukkan sebanyak RM25 juta menerusi Dana Pembangunan Teknologi Halal agar lebih banyak penggiat industri kecil dan sederhana (IKS) mengembangkan perniagaan ke peringkat global.

Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, peruntukan sejak tahun lalu itu disediakan bagi membantu usahawan IKS melebarkan jaringan komersil produk halal di negara-negara berpotensi di samping pembangunan teknologi pembuatan untuk mencapai

keupayaan produksi.

"Setakat ini sebanyak lapan syarikat IKS melibatkan dana sebanyak RM18 juta diberikan bagi pembangunan perniagaan mereka.

"Kita masih mempunyai sebanyak RM7 juta dana untuk diagihkan kepada usahawan produk halal IKS yang ingin membawa perniagaan mereka ke peringkat lebih tinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Jelajah Road To Grow Zon Timur di sini, hari ini.

Lebih 200 usahawan sekitar pantai timur menyertai program tersebut bagi memperkenalkan perkhidmatan MDTC yang menjadi platform lebih ramai usahawan tempatan melihat potensi untuk membangunkan perniagaan mereka.

Menurut Norhalim, peruntukan berkenaan bukan sekadar menyediakan dana tetapi turut membantu dalam aspek rundingan dan pembangunan perniagaan selain melihat keupayaan pasaran di negara luar.



**NORHALIM YUNUS**

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (EKONOMI) : MUKA SURAT B4**  
**TARIKH : 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**

# MTDC lulus Dana Halal RM18 juta sejak tahun lalu

**Sejumlah** RM18 juta untuk Dana Pembangunan Teknologi Halal (Dana Halal) dilulus Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) sejak tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus, berkata peruntukan itu memberi manfaat kepada lapan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk meningkatkan kemampuan dan keupayaan dalam penghasilan produk atau perkhidmatan halal berkualiti.

"Kelulusan peruntukan itu adalah untuk tahun lalu dan tahun ini. Jika tahun lalu kita dapat dana RM10 juta, MTDC menambahkan jumlah dana kepada RM15 juta untuk tahun ini.

"Kita masih ada baki RM7 juta lagi untuk diagihkan kepada PKS yang berminalat dengan syarat mereka mengemukakan permohonan rasmi kepada kami.

"Berdasarkan sambutan diterima daripada PKS ketika ini, kita harap jumlah Dana Halal ini dapat ditambah kepada RM20 juta tahun

**Rebut pasaran global**

Sementara itu, Norhalim meminta lebih ramai usahawan PKS terbabit dalam industri halal memandangkan potensi besar industri itu untuk menjana pendapatan lumayan kepada mereka.

"Usahawan PKS perlu merebut peluang yang ada dan cuba menembusi pasaran global. Sebagai contoh, mereka boleh menyiapkan produk bagi termasya Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun.

"Kami (MTDC) akan bantu usahawan yang berminalat. Kita ada empat institusi halal di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini dan pegawai berkemahiran dalam bahasa Jepun yang boleh membantu melancarkan usaha untuk usahawan tempatan memasuki pasaran di negara terbabit kelak," katanya.

**Fakta nomor**

**RM15 JUTA**

Dana Halal tahun ini

**RM 20 JUTA**

Sasaran Dana Halal 2018

[FOTO BERNAMA]



Norhalim (tiga dari kiri) beramah mesra dengan peserta selepas menghadiri Program Road2Growth 2017 Peringkat Zon Timur, di Kuantan, semalam.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**



## **MTDC Lulus RM18 Juta Bagi Dana Pembangunan Teknologi Halal**



Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) Datuk Norhalim Yunus hadir merasmikan MTDC Road 2 Growth 2017 Wilayah Pantai Timur, hari ini

KUANTAN, 16 Ogos (Bernama) -- **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** meluluskan RM18 juta bagi Dana Pembangunan Teknologi Halal (Dana Halal) sejak diperkenalkan pada tahun lalu, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Norhalim Yunus.

Beliau berkata sebanyak lapan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerima manfaat daripada dana itu dengan peruntukan antara RM2 juta dan RM3 juta setiap satu untuk meningkatkan keupayaan syarikat yang berdasarkan produk atau perkhidmatan halal.

"Bagi tahun ini sahaja, peruntukan bagi Dana Halal telah meningkat daripada RM10 juta pada tahun lalu kepada RM15 juta. Setakat ini, kita masih lagi mempunyai RM7 juta untuk diluluskan.

"Kita melihat permintaan bagi Dana Halal semakin meningkat dan disebabkan itu, kita berharap peruntukan dana ini boleh dinaikkan kepada RM20 juta pada tahun depan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Road2Growth 2017 Zon Timur di sini, hari ini.

Lebih 200 usahawan di sekitar Pantai Timur menghadiri program sehari itu, yang bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai perkhidmatan dan program kendalian MTDC yang boleh disertai mereka bagi memajukan perniagaan menggunakan teknologi.

Norhalim turut menyeru usahawan PKS yang terlibat dalam industri halal merebut peluang dana itu berikutan produk halal mempunyai potensi yang besar untuk menembusi pasaran antarabangsa, yang kini didominasi negara jiran.

Katanya skop produk halal juga tidak bermaksud produk akhir semata-mata tetapi meliputi penyediaan setiap bahan yang digunakan dalam penghasilan produk itu yang membawa kepada pasaran yang lebih luas.

Beliau memberikan contoh negara Jepun yang berhasrat untuk meningkatkan permintaan makanan dan produk halal menjelang temasya Sukan Olimpik 2020 di Tokyo.

"Jepun mempunyai tahap piawaian yang sangat ketat sebelum sesuatu produk dapat dibawa masuk ke negara itu. Di sini, peranan MTDC bukan hanya menyediakan dana tetapi kita akan membimbang usahawan untuk mematuhi syarat yang ditetapkan.

"Kita mempunyai empat institusi halal di universiti di Malaysia bagi tujuan itu selain mempunyai pegawai yang mahir dalam bahasa Jepun, yang dapat membantu melancarkan operasi ini," katanya selain menambah mereka juga mempunyai pegawai yang mahir berbahasa Korea, Arab dan Indonesia.

Norhalim berkata selain Dana Halal, MTDC juga mahu melihat lebih ramai usahawan dari Pantai Timur merebut lima lagi dana di bawah MTDC yang masih berbaki RM80 juta untuk diluluskan pada tahun ini.

Beliau berkata usahawan perlu berani mengambil peluang kerana MTDC bukan hanya menyediakan dana tetapi turut menawarkan latihan melalui kerjasama dengan universiti, Akademi Latihan Usahawan Teknologi (TENTRA) dan perkongsian pengalaman.

Perkongsian pengalaman itu bukan hanya melibatkan usahawan yang berjaya tetapi juga dengan usahawan yang mengalami kesukaran supaya mereka yang berminat dapat belajar daripada pengalaman itu, katanya.

"Sebab itu, kita mengurangkan pemberian geran secara terus kepada usahawan kerana kita mahu interaksi yang berterusan dengan mereka. Pemberian dana kini dilakukan mengikut tahap perkembangan syarikat.

"Kita memberi geran separa supaya syarikat yang terlibat dapat dipantau secara berterusan dengan meningkatkan penggunaan teknologi dan keupayaan syarikat untuk bersaing.

"Ini juga akan meningkatkan nilai komersial dan kebolehpercayaan syarikat untuk menarik pembiayaan daripada institusi pembiayaan," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**



## Eight SMEs Get RM18 Mln Financing From Halal Fund

Last update: 16/08/2017

KUANTAN, Aug 16 (Bernama) -- The **Malaysian Technology Development Corporation** has approved RM18 million in loans from the Halal Technology Development Fund (Halal Fund) to eight small and medium enterprises (SMEs) since it was set up last year, its Chief Executive Officer, Datuk Norhalim Yunus said.

He said the SMEs received loans of between RM2 million and RM3 million to help them sharpen their expertise and capability in producing halal products or services.

"The allocation for the Halal Fund was increased from RM10 million last year to RM15 million this year. Until today, we still have RM7 million to be approved.

"Due to rising demand for the Halal Fund, we hope that its allocation can be increased to RM20 million next year," he told reporters after attending the one-day East Zone Road2Growth 2017 programme here today.

Over 200 entrepreneurs from the East Coast of the Peninsula attended the programme with the aim of enlightening them on MTDC's programmes and services to improve their business with the use of technology.

Calling on more SME entrepreneurs involved in the halal industry to take advantage of the fund to expand the business globally, Norhalim said the scope of halal products was not only confined to final product, instead it encompassed the preparation of each ingredient used in its production, thus leading to a wider market.

Citing an example, he said Japan imposed very strict product standards on imported food and food products in the run-up to the Tokyo Olympics 2020 to cater to the needs of halal food and halal products.

"Hence, MTDC will assist entrepreneurs to adhere to the requirements. For this purpose, four halal centres have been set up at local universities, manned by officers who are proficient in Japanese language," he said, adding that the centres also have officers who are conversant in Korean, Arabic and Indonesian languages.

Besides the Halal Fund, Norhalim said MTDC also manages five more funds, for which RM80 million have yet to be approved for this year and he called on entrepreneurs from the East Coast to capitalise on them.

"MTDC has scale down the awarding of grants directly to entrepreneurs as we want continuous interaction with them. Financing is now approved based on the level of

development of each company.

"We are providing partial grants so that the companies involved can be monitored on an ongoing basis in order to boost their use of technology, as well as their expertise and ability to compete.

"This will also increase their commercial value and reliability to attract financing from financial institutions," he said.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 43  
TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**

Kuantan

## **MTDC lulus RM18j Dana Halal beri manfaat lapan PKS**

Sejumlah RM18 juta Dana Pembangunan Teknologi Halal (Dana Halal) diluluskan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) sejak tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Norhalim Yunus berkata, peruntukan itu memberi manfaat kepada lapan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam penghasilan produk atau perkhidmatan halal berkualiti.

"Kelulusan peruntukan itu adalah untuk 2016 dan tahun ini. Jika tahun lalu kami dapat dana RM10 juta, MTDC menambahkan jumlah dana kepada RM15 juta tahun ini.

"Kami masih ada baki RM7 juta lagi untuk

diaghjikan kepada PKS yang berminat dengan syarat mereka mengemukakan permohonan rasmi kepada kami. Berdasarkan sambutan diterima PKS, kami harap jumlah Dana Halal ini dapat ditambah kepada RM20 juta tahun depan," katanya selepas Program Road2Growth 2017 Peringkat Zon Timur, di sini, semalam.

Kira-kira 200 usahawan PKS dari pantai timur menghadiri program sehari yang dikendalikan MTDC.

Norhalim meminta lebih ramai usahawan PKS terbabit dalam industri halal memandangkan potensi besar industri itu untuk menjana pendapatan lumayan kepada mereka.

"Usahawan PKS perlu merebut peluang dan cuba menembusi pasaran global. Sebagai contoh, menyiapkan produk bagi temasya Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun.

"Mereka (Jepun) mempunyai tahap piawaian tinggi dan ketat. Jadi, kita (usahawan PKS) kena ikut piawaian ditetapkan jika mahu memasarkan makanan dan produk halal ke sana," katanya.



**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (EVENTS) : MUKA SURAT 14  
TARIKH : 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**

# Putting the spotlight on cybersecurity

Industry experts to showcase products at international fire and safety exhibition



Van Doorn (third from left) and Mohd Azumi (on Van Doorn's left) together with the partners and supporters of IFSEC Southeast Asia 2017.

By EMILY K.  
[emilyk@thestar.com.my](mailto:emilyk@thestar.com.my)

THE Internet is evolving fast and has helped to establish businesses, expand government services and keep us connected.

But how much do we really know about safety measures and Internet security?

This year, Fire and Safety Exhibition and Conference (IFSEC) Southeast Asia is back with its fifth edition to bring professionals the latest technologies and solutions from the security, fire and safety industry.

According to the Global Cybersecurity Index 2017, there were about three-and-a-half billion Internet users worldwide in 2016, which make up about half of the world's population, said CyberSecurity Malaysia chairman Tan Sri Panglima Mohd Azumi Mohamed.

"Little do we know of the potential cyber threats that come along with it."

"In the same study, one in every 131 email was malicious in 2016."

"This was the highest record over the past five years, and it is the weapon of choice for cyber espionage."

By 2020, there will be more than 12 billion machines and devices connected to the Internet.

"Through this exhibition, we hope to inform and drive home the point that cybersecurity is not just the concern of the Government, but also relevant to professionals of all industries," he said.

From Sept 6 to 8, industry experts will gather at Kuala Lumpur Convention Centre to showcase the latest products such as CCTV, access control and biometric, perimeter protection, control rooms, home automation and cybersecurity.

UBM Malaysia business development director Eliane Van Doorn revealed that IFSEC would have a few new features, and is expected to attract about 10,000 visitors with 12% of them coming from countries such as Britain, Singapore, China, the United States and Indonesia.

"There will be more than 350 world-leading brands from more than 45 countries showcasing their latest offerings."

"Besides that, there will also be free seminars covering more than 10 hot topics in cybersecurity, Internet-of-Things (IoT), secu-

rity, fire and safety for all industry players. Through this exhibition, we hope to inform and drive home the point that cybersecurity is not just the concern of the Government, but also relevant to professionals of all industries.

Tan Sri Panglima Mohd Azumi Mohamed

riety, fire and safety for all industry players. "For the first time, we will have a drone zone, featuring seven to eight high-tech drones from drone companies and operators, whereby visitors will be able to see the drones fly, and learn how they can help in security, fire and safety industry," said Van Doorn.

Another new feature is the business-matching service with which visitors can use to find the best solutions or products for their needs and connect to the manufacturers or distributors.

Asian Professional Security Association (APSA) Malaysian Chapter president Datuk Seri Mustapa Ali said a conference would also be held specifically for security industry players and operators.


"Held for the first time, the Conference Perdana is set to be the best platform for the industry players to gather and obtain the latest information and gain new knowledge that will benefit their businesses," he said, adding that more than 2,500 security companies were expected to join.

IFSEC Southeast Asia 2017 is organised by UBM Malaysia and supported by the Home Affairs Ministry, Royal Malaysia Police, CyberSecurity Malaysia, Asian Professional Security Association Malaysian Chapter, British Security Industry Association and ASIS International (Malaysia Chapter).

The exhibition is open to professional visitors from 10am to 5.30pm on Sept 6 and 7, and 10am to 4pm on Sept 8. Admission is free.

To register, call 03-2176 8788 or visit [www.ifsecsea.com](http://www.ifsecsea.com)

## Sistem standard khas durian akan diperkenalkan bagi elak penipuan



Ahmad Shabery (tengah) melihat produk berdasarkan durian semasa majlis bersama Usahawan Industri Durian di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hari ini.

PUTRAJAYA - Satu sistem standard khas bagi durian akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memastikan raja buah tersebut terjamin dari segi kualiti selain mengelak pengguna daripada ditipu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, sistem tersebut akan dibangunkan oleh kementerian dengan kerjasama Jabatan **Standard Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

"Tidak mustahil suatu hari nanti, durian mempunyai sijil pengesahan sendiri melalui sistem standard khas yang kita bangunkan di mana setiap durian misalnya Musang King mempunyai label dan pelekat yang disahkan."

"Bagaimanapun, pengesahan kualiti dan jenis durian itu mestilah mendapat kelulusan daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)," katanya pada sidang akhbar sempena program Festival Durian Road To Nanning, China 2017 di sini hari ini.

Menurut Ahmad Shabery, dengan adanya sistem tersebut maka pengguna dapat memastikan produk durian yang dibeli adalah berkualiti dan berbaloi dari segi harga yang dibayar.

"Apa yang paling penting bagaimana kita bangunkan sistem standard khas ini bagi memastikan pengguna tidak ditipu peniaga yang mendakwa durian tersebut adalah Musang King namun sebenarnya mereka menjual durian kampung D20 atau D24," katanya.

Ahmad Shabery berkata, sistem tersebut juga dilengkapi dengan kod respons pantas unik (QR Code) di mana pengguna hanya membuat imbasan menggunakan telefon dan semua info berkaitan durian tersebut akan dipaparkan misalnya nama pokok, lokasi pengeluaran dan nama syarikat. - K! ONLINE



## Piawaian mengenai durian bakal diwujudkan



Shabery Cheek.

PUTRAJAYA - Satu piawaian seragam berkenaan durian akan diwujudkan bagi memastikan ketulenan dan kualiti raja buah itu sentiasa berada di tahap terbaik seperti sepatutnya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, piawaian yang akan diwujudkan dengan kerjasama **Jabatan Standard Malaysia** itu antara lain bertujuan mengelak pembeli daripada tertipu dengan jenis buah dan harga yang diletakkan penjual.

Ketika ini, katanya, penjual dan pembekal 'bebas' menamakan jenis buah dan harga kerana tiada pihak yang berperanan mengesahkan perkara itu, kecuali durian yang dibawah pengurusan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Beliau berkata, pembeli mengadu mereka sering tertipu dengan taktik penjual yang meletakkan label jenis durian yang mendapat permintaan tinggi dan mahal seperti D24 atau Musang King untuk meraih keuntungan.

"Sekarang tiada siapa yang bertindak mengesahkan sama ada ia durian Musang King, D24 atau apa saja. Tujuan mewujudkan satu standard atau piawaian khusus memastikan setiap durian yang dilabelkan adalah durian yang betul," katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari bersama usahawan durian di kementeriannya di sini hari ini.

Beliau berkata, usaha yang turut membabitkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu juga menyasarkan untuk mewujudkan 'bar code', antara lain mengandungi maklumat berkenaan jenis dan tempat buah itu diambil.

"Atas sebab itu, kita tidak berhasrat menetapkan harga siling durian setakat ini walaupun terdapat cadangan mengenainya oleh beberapa pihak," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Shabery berkata, kementerian itu akan menganjurkan Durian Festival Nanning pada Oktober sebagai antara usaha mengembangkan potensi ekonomi produk tersebut ke China.

Beliau berkata, kebenaran untuk memperkenalkan produk berasaskan durian ke China merupakan langkah berstrategi kementerian ke arah mendapat kebenaran mengeksport buah durian ke negara itu.

Katanya ekoran kawalan ketat kerajaan China berkenaan keselamatan makanan melalui Pentadbiran Am Penyeliaan Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin (AQSIQ) yang melarang durian dibawa masuk secara terus, hanya pulpa dan pes durian sahaja dibenarkan dieksport ke China.

Sebanyak 250 produk daripada 50 pengusaha akan dipamerkan pada pameran melibatkan sehingga 20 'booth', satu pameran bersejarah yang akan memacu industri durian negara ke peringkat lebih tinggi, katanya. - Bernama

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**



## **Upacara Pembukaan KL2017 Dijangka Hujan**

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Diramalkan hujan pada malam upacara pembukaan Sukan SEA ke-29 Kuala Lumpur 2017 (KL2017) yang bakal berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil, Sabtu ini.

**Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)** berkata ia dijangka bermula dengan ribut petir sekitar 4 hingga 5 petang pada hari sama dan disusuli hujan pada sebelah malam tetapi cuaca pada sebelah pagi adalah baik.

Sempena temasya sukan dwitahunan itu, MET Malaysia turut mengeluarkan jadual ramalan cuaca setiap tiga hari mulai 17, 18 dan 19 Ogos, dan boleh didapati di laman sesawang MET Malaysia [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my).

Menurut jadual ramalan cuaca itu, bagi acara sukan seperti renang berirama dan memanah di Bukit Jalil esok, cuaca diramal hujan pada sebelah pagi, ribut petir di sebelah petang dan tiada hujan pada malamnya.

Manakala pada 18 Ogos di venue sama melibatkan acara seperti polo air dilaporkan tiada hujan di sebelah pagi tetapi ribut petir di sebelah petang dan mendung pada malamnya.

Selain Bukit Jalil, MET Malaysia turut memaklumkan bahawa jabatan itu akan mengeluarkan jadual ramalan cuaca bagi acara di setiap lokasi sukan iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam, Seri Kembangan, Petaling Jaya, Bandar Kinrara, Rawang, Selayang, Nilai, Kuala Terengganu dan Langkawi.

Orang ramai yang ingin mengikuti acara sukan adalah dinasihatkan untuk memeriksa jadual ramalan cuaca yang dikemas kini setiap tiga hari di laman web MET Malaysia bagi merancang perjalanan, katanya.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (MASOC), Datuk Seri Zolkples Embong ketika dihubungi, secara ringkas menasihatkan orang ramai untuk keluar awal bagi mengelakkan kesesakan.

"Gunakan pengangkutan awam seperti LRT (Transit Aliran Ringan) dan bas untuk ke venue dan walaupun hujan, pastikan anda tidak membawa payung masuk ke dalam stadium kerana ia adalah antara barang yang ditegah," katanya.

Pintu stadium akan dibuka pada 4 petang dengan diikuti program praacara yang bermula pada 6 petang sebelum upacara pembukaan berlangsung pada 8 malam.

Temasya berprestij, KL2017 akan berlangsung pada 19 hingga 30 Ogos melibatkan 5,000 atlet dari 11 negara yang bakal bertanding dalam 404 acara daripada 38 jenis sukan.

**BERITA ONLINE  
KOSMO.COM.MY**  
**TARIKH: 16 OGOS 2017 (RABU)**



## **Banjir: Pusat Pemindahan Banjir Ditutup Di Sabah**

KOTA KINABALU, 16 Ogos (Bernama) -- Pusat pemindahan banjir di Dewan Masyarakat Penampang Baru, Kimanis dekat Papar ditutup pada 2 petang tadi selepas kesemua 119 orang daripada 45 keluarga dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sabah Kol Mulliadi Al-Hamdi Ladin berkata pusat pemindahan itu ditutup setelah air banjir menyusut di kawasan terbabit dan semua jalan utama boleh dilalui oleh kenderaan.

Bagaimanapun, jawatankuasa bencana daerah dan jawatankuasa bencana negeri dinasihatkan sentiasa berwaspada dan bersiap sedia berikutan amaran angin kencang dan laut bergelora yang membawa hujan dijangka berlarutan sehingga ke Jumaat seperti dilaporkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Cuaca sekarang hujan renyai dan hujan lebat sekejap," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**



## **Banjir: Pusat Pemindahan Banjir Ditutup Di Sabah**

KOTA KINABALU, 16 Ogos (Bernama) -- Pusat pemindahan banjir di Dewan Masyarakat Penampang Baru, Kimanis dekat Papar ditutup pada 2 petang tadi selepas kesemua 119 orang daripada 45 keluarga dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sabah Kol Mulliadi Al-Hamdi Ladin berkata pusat pemindahan itu ditutup setelah air banjir menyusut di kawasan terbabit dan semua jalan utama boleh dilalui oleh kenderaan.

Bagaimanapun, jawatankuasa bencana daerah dan jawatankuasa bencana negeri dinasihatkan sentiasa berwaspada dan bersiap sedia berikutan amaran angin kencang dan laut bergelora yang membawa hujan dijangka berlarutan sehingga ke Jumaat seperti dilaporkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Cuaca sekarang hujan renyai dan hujan lebat sekejap," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 OGOS 2017 (KHAMIS)**



## **Gempa Bumi Sederhana Landa Kepulauan Ryukyu , Jepun**

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Gempa bumi sederhana bermagnitud 5.4 pada skala Richter melanda Kepulauan Ryukyu, Jepun pada 8.51 malam, hari ini.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam satu kenyataan berkata gempa itu berpusat 313 km timurlaut Naha, Jepun dan 2,724 km timurlaut Kudat, Sabah.

Gempa bumi itu, bagaimanapun, tidak menimbulkan ancaman tsunami kata kenyataan itu.

-- BERNAMA



## Amaran cuaca buruk di Semenanjung, Sabah

KUALA LUMPUR: Ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang dijangka berterusan di beberapa kawasan di Semenanjung dan Sabah.

**Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)**, berkata cuaca buruk dijangka melanda Putrajaya dan Selangor membabitkan daerah Kuala Selangor, Petaling, Klang, Kuala Langat dan Sepang.

Amaran cuaca buruk turut dikeluarkan di Negeri Sembilan (Rembau, Seremban dan Port Dickson), Melaka dan Sabah di Bahagian Pedalaman (daerah Kuala Penyu dan Beaufort), Pantai Barat (daerah Kota Kinabalu, Penampang dan Papar), Kudat, Sandakan (Beluran, Kinabatangan dan Sandakan) dan Labuan.

"Di kawasan perkapalan, ribut petir dijangka berlaku di perairan Reef North, Reef South, Labuan, Palawan dan Sulu dijangka berterusan sehingga lewat petang ini.

"Keadaan boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil," katanya.